



**UniMAP**



2007

# Laporan Tahunan

## Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni UniMAP

Disediakan oleh :

Pengurusan Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni  
Universiti Malaysia Perlis

# Senarai kandungan

## UCAPAN NAIB CANSOLOR UNIMAP

## UCAPAN DEKAN JHEPA UNIMAP

<b>1.0</b>	<b>PENGENALAN</b>	1
<b>2.0</b>	<b>VISI, MISI, MOTTO DAN OBJEKTIF JHEPA</b>	1
2.1	VISI	
2.2	MISI	
2.3	MOTTO	
2.4	OBJEKTIF	
<b>3.0</b>	<b>PEGAWAI-PEGAWAI JHEPA</b>	2
<b>4.0</b>	<b>STRUKTUR ORGANISASI JHEPA</b>	
4.1	Unit-Unit di JHEPA	3
4.2	Staf Lantikan	4
4.3	Staf Pengurusan dan Profesional	4
4.4	Staf Sokongan I	5
4.5	Staf Sokongan II	5
4.6	Statistik Staf JHEPA	
4.6.1	Enrolmen Perjawatan Mengikut Gred dan Status (Pengurusan & Profesional, Sokongan I dan II)	7
4.6.2	Peratusan Staf Mengikut Gred Jawatan	8
4.6.3	Peratusan Status Staf	8
<b>5.0</b>	<b>PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA</b>	9
7.1	Kursus dan Latihan Yang Dihadiri Oleh Staf JHEPA 2007	9
7.2	Penglibatan Staf dalam Sukan 2007	10
<b>6.0</b>	<b>AKTIVITI MAHASISWA DAN LATIHAN &amp; PEMBANGUNAN MAHASISWA</b>	16
6.1	AKTIVITI MAHASISWA - Persatuan/Majlis/Kelab	
6.1.1	Kuantiti Penganjuran Aktiviti	16
6.1.2	Laporan Terperinci Penganjuran Aktiviti	17
6.1.3	Penubuhan Majlis/Kelab & Persatuan Yang Berdaftar Dengan HEPA	26
6.1.4	Majlis Perwakilan Pelajar Sidang Akademik 2006/2007	27
6.1.5	Majlis Perwakilan Pelajar Sidang Akademik 2007/2008	28
6.1.6	Anugerah Gemilang Siswa 2007	29
6.1.7	Anugerah Yang Dimenangi	34
6.1.8	Laporan Penganjuran / Penyertaan Bagi Aktiviti Mahasiswa	35
6.1.9	Peratusan Penganjuran Aktiviti Oleh Majlis/Kelab/Persatuan Aktiviti	46
6.1.10	Aktiviti Pidato Dan Debat	47
6.2	LATIHAN & PEMBANGUNAN MAHASISWA	
6.2.1	Laporan Latihan/Bengkel/Kursus Untuk Pembangunan Mahasiswa	48

<b>7.0</b>	<b>SUKAN DAN REKREASI</b>	
7.1	Laporan Aktiviti Mahasiswa	49
7.2	Pencapaian Mahasiswa Didalam Penyertaan Sukan	51
7.3	Penganjuran Sukan Bagi Tahun 2007	52
7.4	Peratusan Pengendalian Aktiviti Sukan Bagi Tahun 2007	52
<b>8.0</b>	<b>KEBUDAYAAN</b>	
8.1	Laporan Penglibatan Mahasiswa Unimap Di Dalam Aktiviti Kebudayaan	53
8.2	Laporan Penganjuran Aktiviti Unit Kebudayaan & Kesenian	55
<b>9.0</b>	<b>KEUSAHAWANAN</b>	
9.1	Laporan Aktiviti Keusahawanan	56
9.2	Laporan Student Mall	56
<b>10.0</b>	<b>PINJAMAN &amp; BIASISWA DAN KEBAJIKAN &amp; DISIPLIN MAHASISWA</b>	
10.1	Senarai Nama Penaja Dan Bilangan Mahasiswa	57
10.2	Senarai Penaja-Penaja	58
10.3	Peratusan Tajaan Swasta	59
10.4	Carta Pai Peratusan Tajaan Negeri	60
10.5	Carta Pai Peratusan Tajaan Lain-Lain	60
10.6	Carta Pai Peratusan Perbezaan Mahasiswa Yang Berada Di Bawah Tajaan Pinjaman & Biasiswa	61
10.7	Statistik Mahasiswa Di Bawah Tajaan Biasiswa Dan Pinjaman	62
10.8	Laporan Penerima Sumbangan Khairat Kematian	63
<b>11.0</b>	<b>DISIPLIN MAHASISWA</b>	
11.1	Laporan Tatatertib Mahasiswa	63
11.2	Carta Pai Peratusan Jenis Kesalahan	64
11.3	Carta Pai Peratusan Kes Tindakan Tatatertib	65
<b>12.0</b>	<b>RAKAN PENDAMPING SISWA (RPS)</b>	
12.1	Unit Rakan Pendamping Siswa (RPS)	66
12.2	Program Rakan Pendamping Siswa (RPS)	66
12.3	Kursus Wajib Universiti (The Pillars)	67
12.4	Laporan Aktiviti Kursus Wajib Universiti (The Pillars)	67
<b>13.0</b>	<b>DIARI 2007</b>	74
<b>14.0</b>	<b>LAPORAN KEWANGAN</b>	78

## UCAPAN NAIB CANSOLOR

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah izinNya Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Universiti Malaysia Perlis di atas penerbitan Laporan Tahunan Jabatan Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni 2007 yang julung-julung kalinya diterbitkan. Penerbitan ini merupakan rujukan utama kepada semua kakitangan jabatan dalam mengenalpasti, memahami dan menilai keefisienan dan keberkesanan organisasai dapat diperbaiki. Proses kerja yang sentiasa dikemaskini menjadi satu entiti yang diperlukan bagi melahirkan sebuah organisasi yang mampu melahirkan graduan cemerlang dan berpotensi menepati tuntutan dan keperluan semasa.

Tahun 2007 merupakan tahun yang penuh dengan cabaran tetapi dengan semangat dan kesungguhan serta iltizam, ia dapat dilaksanakan dalam keadaan yang terancang di samping memantapkan aspek urus tadbir yang dipantau dengan teliti. Pengurusan kewangan dibuat dengan berhemah mengikut peruntukan yang telah diberikan selaras dengan aktiviti yang telah dilaksanakan. Pengurusan kewangan yang teliti dapat memastikan perancangan penggunaan lebihan bagi menampung kekurangan secara agihan semula dan pindah peruntukan. Ini dapat menentukan perbelanjaan yang dilakukan adalah selaras dengan kelulusan yang diperolehi disamping tatacara perolehan dipatuhi.

Bagi menggerakkan sesuatu kejayaan, sumber manusia merupakan elemen utama. Kakitangan akan berhadapan dengan permasalahan mahasiswa yang terlibat selaku pembimbing dalam usaha melahirkan mahasiswa cekap dan proaktif di dalam aktiviti yang dianjurkan. Pembangunan Kemahiran Insaniah (KI) dilaksanakan melalui pelbagai pendekatan meliputi perancangan dan pembangunan program sokongan untuk pelajar. Terapan ini dilaksanakan secara menyeluruh oleh unit-unit yang dibentuk dan ia kebanyakannya berorientasikan program sokongan. Ia dapat memberi tumpuan kepada aspek pembangunan menyeluruh secara jelas yang menyokong kecemerlangan mahasiswa dalam aspek pendidikan, perkembangan diri dan persediaan kerjaya pelajar.

Selain itu, untuk mengasah dan memperkembangkan potensi insaniah kakitangan dan mahasiswa di samping melaksana perkhidmatan terasnya, ia diberi peluang untuk menghadiri bengkel-bengkel yang dianjurkan oleh UniMAP. Ini dapat menambahkan lagi kemahiran-kemahiran yang sedia ada selaras dengan usaha meningkatkan produktiviti kakitangan. Semua kejayaan yang dicapai berupaya menjadi realiti seterusnya membantu meningkatkan proses pengajaran dan pembelajaran. Apa yang lebih penting, penguasaan kemahiran kakitangan dapat meningkatkan daya saing dan daya juang untuk mencapai kecemerlangan para graduan dalam pelbagai prospek keusahawanan dan penghasilan inovasi seiring dengan visi dan misi universiti.

Kesempatan ini, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni yang menjadi nadi penggerak yang telah berusaha bersungguh-sungguh untuk menyumbangkan buah fikiran, kepakaran, tenaga dan masa dalam usaha merealisasikan penerbitan laporan tahunan ini. Saya harap usaha yang berterusan ini dapat menghasilkan modal insan yang mampu memenuhi aspirasi dan wawasan negara.

Sekian, Wassalam

**KOL. PROF. DATO' DR. KAMARUDIN HUSSIN**

Naib Canselor  
Universiti Malaysia Perlis



## UCAPAN DEKAN HEPA

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, pengurusan Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA) buat julung-julung kalinya telah berjaya menerbitkan Buku Laporan Tahunan 2007 Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni. Buku yang merakamkan perkembangan unit-unit di bawah JHEPA serta pelaksanaan program-program kegiatan bagi tahun 2007 dalam merealisasikan dasar-dasar JHEPA menjadi sebuah jabatan yang cemerlang dalam memberikan perkhidmatan berkualiti kepada mahasiswa dalam bidang-bidang pembangunan sahsiah dan modal insan.

Sesungguhnya setiap detik yang telah berlalu itu akan terus tinggal menjadi lipatan sejarah, kita harus terus melangkah demi meneruskan kehidupan yang penuh dengan cabaran. Dengan adanya laporan tahunan 2007 JHEPA ini, pastinya ada sesuatu yang boleh kita ambil untuk dijadikan pedoman ataupun pengajaran dengan membuat penambahbaikan demi meningkatkan prestasi didalam pengurusan organisasi. Antara cabaran utama ialah menguruskan bilangan mahasiswa yang semakin ramai iaitu dari 2967 orang yang telah berdaftar dengan UniMAP pada Sidang Akademik 2006/2007 ke 3794 orang pada Sidang Akademik 2007/2008. Matlamat JHEPA sudah tentunya untuk menyediakan perkhidmatan yang terbaik kepada para mahasiswa terutamanya dari segi pengurusan aktiviti kemahasiswaan. Namun begitu, segala usaha gigih dan kerjasama yang telah diberikan oleh warga kerja JHEPA telah menunjukkan satu peningkatan yang menggalakkan.


Akhir kata, tahun 2007 memaparkan detik-detiknya yang tersendiri dan sama-samalah kita mempamerkan keperibadian terpuji dan lebih responsif, bertanggungjawab dan komited pada tugas yang diamanahkan seiring dengan visi JHEPA menjadi sebuah jabatan yang cemerlang dalam memberikan perkhidmatan berkualiti kepada mahasiswa ke arah mencapai matlamat UniMAP sebagai sebuah institusi akademik dan penyelidikan yang berdaya saing di persada antarabangsa.

Sekian, Wassalam

### **MOHD NAJMUDDIN BIN MOHD HASSAN**

Dekan

Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni



---

## **Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni**

### **1.0 PENGENALAN**

Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (HEPA) diketuai oleh seorang Dekan. Jabatan ini adalah salah satu Jabatan yang penting dalam pentadbiran di universiti ini dan ia beroperasi di kampus yang terletak di Taman JKKK, Kubang Gajah, Arau Perlis. Memang menjadi hasrat dan tanggungjawab Jabatan HEPA untuk membantu dan berusaha mewujudkan suasana kondusif dan selesa bagi pembelajaran dan kehidupan kampus.

Jabatan ini menguruskan mengenai hal-hal yang berkaitan dengan biasiswa/pinjaman, persatuan mahasiswa, tata tertib mahasiswa, kewangan, sukan & rekreasi, kebudayaan, penempatan mahasiswa dan latihan serta pembangunan mahasiswa universiti.

Jabatan ini mempunyai beberapa unit yang beroperasi untuk mengendalikan pelbagai program secara berterusan bagi memberi perkhidmatan yang terbaik kepada mahasiswa-mahasiswa. Unit-unit tersebut adalah seperti berikut :-

Unit Pentadbiran  
Unit Aktiviti Mahasiswa  
Unit Kebudayaan dan Kesenian  
Unit Sukan & Rekreasi  
Unit Pinjaman & Kebajikan Mahasiswa  
Unit Latihan & Pembangunan Mahasiswa  
Unit Keusahawanan  
Unit Alumni

### **2.0 VISI, MISI, MOTTO DAN OBJEKTIF JABATAN HEPA**

#### **2.1 Visi**

Menjadi sebuah jabatan yang unggul/cemerlang dalam memberikan perkhidmatan berkualiti kepada mahasiswa ke arah mencapai matlamat UniMAP sebagai sebuah institusi akademik dan penyelidikan yang berdaya saing di persada antarabangsa.

#### **2.2 Misi**

Berusaha melahirkan graduan yang berperibadi murni, jati diri, beketrampilan, berdaya saing dan inovatif.

#### **2.3 Motto**

Mesra Mahasiswa

#### **2.4 Objektif Jabatan**

- Menyediakan perkhidmatan dan kemudahan yang berterusan bagi memenuhi kehendak pelanggan iaitu mahasiswa dan masyarakat.
- Meneroka dan mengembangkan potensi serta memberi bimbingan dari segi keilmuan, keterampilan, sahsiah dan jati diri ke arah melahirkan graduan yang berkualiti.
- Menganjurkan aktiviti-aktiviti yang bersifat percambahan dan penyatuan fikiran melalui kursus dan bengkel dari masa ke semasa bagi meningkatkan tahap kepimpinan mahasiswa.
- Mengawalselia disiplin perilaku mahasiswa berpandukan akta-akta dan peraturan yang diluluskan oleh universiti.
- Bertanggungjawab untuk memberi perkhidmatan tentang kebajikan Mahasiswa berhubungkait dengan penempatan mahasiswa, kesihatan, kerjaya, kaunseling, biasiswa, sukan, persatuan dan sebagainya.

### 3.0 PEGAWAI-PEGAWAI JHEPA



1. Prof. Madya Shamsul Bahar Yaakob
2. En. Mohd Najmuddin Mohd Hassan
3. En. Mohd Mustafa Al Bakri Abdullah



4. En. Fauzi Baharom
5. En. Zakaria Abd. Rahman
6. En. Mohammad Irhamuddin Mansor



7. Pn. Fazlina Md. Fadzil
8. Pn. Mashitoh Abu
9. Pn. Alma Azizah Abdul Rahim



10. Ym Raja Shah Erman Raja Arifin
11. En. Nurul Amri Ahmad
12. Cik Syeamarsyeta Ahamad



13. Kapten (B) Halim Abd. Hamid
14. Pn. Sayang Nurshahrizleen Ramlan
15. En. Mohd Hakam Hassan



16. En. Jaafar Ramli
17. En. Mohd Izwan Izhar Haris